



UM kembali di tangga ke-65 terbaik dunia



Oleh **Muhammad Yusri Muzamir** - Jun 28, 2023 @ 12:35pm
yusri.muzamir@bh.com.my



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Universiti Malaya (UM) mengekalkan kedudukannya dalam senarai 100 teratas global universiti untuk tahun keenam berturut-turut dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2024.

Berdasarkan kedudukan terkini, UM kembali menduduki tangga ke-65 terbaik dunia, naik lima anak tangga berbanding tahun lalu.

Ia sekali gus menyaksikan UM mendahului 28 institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini yang tersenarai dalam penarafan itu dengan 11 institusi merekodkan peningkatan prestasi, manakala 12 lagi mencatatkan penurunan.

Antara indikator penilaian digunakan bagi menentukan markah ialah reputasi akademik dan majikan, selain nisbah pelajar fakulti.

Mengulas perkembangan itu, Naib Presiden Kanan QS, Ben Sowter, dalam kenyataan berkata, penarafan QS World University Ranking 2023 mewakili langkah utama evolusi latihan.

"Ia sekali gus menandakan inovasi paling ketara bagi paradigma metodologi sejak penubuhannya dua dekad lalu.

"Penyediaan institusi dengan kriteria unik bagi menilai prestasi dalam bidang berkaitan adalah paling penting untuk membentuk masa depan lebih cerah bagi generasi akan datang, selari keutamaan Gen Z dan Alfa, berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, sektor pendidikan tinggi di Malaysia mempamerkan kepelbagaian dan pengantarabangsaan, sekali gus menarik bakat dari seluruh dunia.

Katanya, universiti di Malaysia menawarkan persekitaran pembelajaran rancak dan inklusif menerusi prestasi kukuh dalam nisbah pelajar antarabangsa dan fakulti serta kepelbagaian persatuan pelajar.

"Namun, cabaran adalah bagi merapatkan jurang akademik dan industri, berikutan negara berdepan halangan melahirkan graduan terus memiliki kerjaya. Tumpuan kepada pembelajaran pengalaman dan perkongsian global mampu menyelesaikannya.

"UM menyaksikan lonjakan pencapaian luar biasa merentasi portfolio Kedudukan QS, beberapa tahun ini dan kejatuhan keseluruhan yang sederhana dalam edisi ini tidak seharusnya menjejaskan kejayaannya yang banyak dan berterusan.

"Kecemerlangannya tahun ini, ditonjolkan menerusi purata markah bagi setiap institusi, mengatasi kebanyakan negara di Asia dalam pelbagai bidang," katanya.

Universiti Sains Malaysia (USM) kini berada di kedudukan 137 berbanding 143, iaitu peningkatan tujuh tangga, manakala Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melonjak dari 203 ke 188.

Dua IPT mencatatkan lonjakan drastik, masing-masing Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dari 361 ke 307 dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari 651 hingga 700 ke kedudukan 555.

Kedudukan Universiti Sunway turut mencatatkan peningkatan, iaitu di kedudukan 586 berbanding 601 hingga 650, manakala Taylor's University pula mengekalkan kedudukannya di tangga ke-284 untuk dua tahun berturut-turut.

Selain itu, dua IPT masing-masing Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tunku Abdul Rahman yang berada di kedudukan antara 801 hingga 1,000 tahun lalu, meningkat kepada 781 hingga 790 serta 801 hingga 850.

Dua IPT swasta, masing-masing Universiti Antarabangsa INTI dan Universiti Teknologi dan Inovasi Asia Pasifik (APU) berada di kedudukan 556 serta 621 hingga 630 bagi penampilan sulung mereka.

Sementara itu, kedudukan Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan penurunan kepada 158 berbanding 123, diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari 129 ke 159 dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dari 481 ke 538.

Selain itu, tiga universiti awam turut mencatat penurunan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari 651 hingga 700 ke 711 hingga 720, diikuti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dari 701 hingga 750 ke 761 hingga 770 dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari 801 hingga 1,000 ke 951 hingga 1,000.

Ia diikuti kedudukan dua IPT swasta yang turut mencatatkan penurunan, masing-masing Universiti UCSI dari 284 ke 300, diikuti Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) dari 601 hingga 650 ke 621 hingga 630.